கிள்ளான் ஆறு – பாதுகாப்பு நடவடிக்கை - ஆற்றுக் காவல் திட்டம்

RIVER Ranger Sungai Klang

Kita berupaya memulihara sumber air bernilai kita. Kita boleh mula bertanggungjawab ke atas sungai-sungai kita – menjadi mata dan telinga bagi sungai kita dan mengambil tindakan yang diperlukan untuk mengurangkan kesan negatif kita. Melalui Renjer Sungai Klang, Sembilan komuniti (3 setiap zon) di dalam Lembangan Sungai Klang sedang melaksanakan aktiviti tempatan untuk meminimakan kesan negatif dan mengawasi Sungai Klang. Berikut adalah senarai ide-ide bagi tindakan yang boleh kita lakukan:

மதிப்பு மிகுந்த நம்முடைய ஆறுகளின் நீர் வளத்தை பாதுகாப்பது நம்மால் இயன்ற காரியமேயாகும். நம் ஆறுகளின் மீது நாம் உரிமை கொள்வதின் வழி இக்காரியத்தை தொடங்கலாம். நாமே நம்முடைய ஆறுகளுக்குக் காதுகளாகவும் கண்களாகவும் இருந்து தக்க நடவடிக்கைகளை எடுப்பதின்வழி எதிர்மையான விளைவுகளிலிருந்து ஆறுகளைப் பாதுகாக்கலாம். கிள்ளான் ஆற்றினை பாதுகாப்பதற்காக "ஆற்றுக் காவல் திட்டம்" நடைமுறைப்படுத்தப்படுகிறது. இத்திட்டத்தின்வழி கிள்ளான் ஆற்றினை ஒட்டிய ஒன்பது வசிப்பிடத்தைச் சேர்ந்த குழுவினர் (ஒவ்வொரு குழுவிற்கும் மூன்று பகுதிகள் பிரித்துத் தரப்பட்டுள்ளன.) கிள்ளான் ஆற்றினை சுத்தகாணித்துப் பாதுகாக்கும் பெரும் முயற்சியில் ஈடுபட்டுள்ளனர்.

பின்வருவனை நாம் ஆறுகளை பாதுகாக்க எடுக்கக்கூடிய சில கருத்தாக்கங்கள்:

a) Audit Sungai
Terdapat 3 kaedah yang boleh anda lakukan yang sering digunakan untuk memeriksa keadaan air sungai – pemerhatian dengan mata/fizikal, pengawasan kimia dan biologi.

அ) ஆறுகளை பரிசோதித்தல்

ஆற்றுநீரின் நிலைமையை சோதிக்க வழக்கமாக மூன்று முறைகள் கையாளப்படுகின்றன. அவை புறநிலை கண்ணோட்டம், இரசாயனக் கண்காணிப்பு, உயிரியல் கண்காணிப்பு.

Pemerhatian dengan mata: Menggunakan Kad Laporan Sungai, ciri-ciri fizikal sebuah sungai boleh memberi kita petunjuk kepada kesihatan sungai tersebut.

புறநிலை கண்ணோட்டம் : ஆற்றுக்கான தேர்ச்சி அறிக்கை பயன்படுத்துதல். ஆற்றின் புறத் தோற்றம் அதன் தரத்திற்கான சில அறிகுறிகளை வழங்கும்.

Pengawasan kimia: Pengawasan kimia dan pemeriksaan merupakan salah satu daripada kaedah pemeriksaan yang paling tepat dan boleh dipercayai. Ia amat berkesan untuk mengenalpasti sumber-sumber pencemaran, serta juga mengenalpasti bahan pencemar khusus.

இரசாயன கண்காணிப்பு : இவ்வகையான கண்காணிப்பே மிகவும் துல்லியமாகவும் நம்பகத்தன்மையை வழங்கக்கூடியதாய் உள்ளது. ஆற்றின் தூய்மை கேட்டிற்கான மூலங்களை மூலங்களை கண்டறிவதற்கு மிகக் துணையாய் உள்ளது.

Pencemaran biologi sungai dan anak sungai: Pengawasan biologi sungai, dan hidupan sungai (invertebrat) banyak memberi kita penunjuk kepada kesihatan sungai kita dan lembangannya dengan perjalanan masa. Contohnya, beberapa invertebrat boleh menahan pencemaran dan bilangan tinggi mereka mungkin adalah penunjuk kepada masalah kualiti air.

உயிரியல் கண்காணிப்பு : இவ்வகை கண்காணிப்பின் வழி ஆற்றுவாழ் உயிரிகளிடையே ஏற்படும் மாற்றங்களின் வழி ஆற்றின் தரத்தை நீண்ட காலத்திற்கு பரிசோதித்து அறிய உள்ளது.

c) Pengawasan Bahan Pencemar

Tindakan mencemar berlaku di semua tempat. Sebagai seorang warganegara, kita mempunyai hak untuk melaporkan apa jua tindakan mencemar. Berikut adalah beberapa langkah yang akan membantu anda mengawasi pencemaran haram oleh manusia atau industri dan melaporkannya. (Nota: Tolong berwaspada dan gunakan budibicara, pastikan keselamatan anda dahulu). Perhatikan nombor pendaftaran kenderan atau nama syarikat. Perhatikan hari, tarikh, masa dan tapak di mana tindakan mencemar itu berlaku. Jika kamu memiliki kamera atau telefon bimbit kamera, sila ambil seberapa banyak gambar yang boleh semasa tindakan mencemar itu berlaku, atau kesan-kesannya. Rekodkan satu gambaran tapak tersebut, dan rekodkan impak pencemaran tersebut dan apa jua maklumat yang mungkin berguna kepada pihak berkuasa. Laporkan semua yang anda telah saksikan kepada JPS, JAS, LUAS dan kerajaan tempatan.

இ) தூய்மைக்கேட்டின் மூலப்பொருள்களை கண்காணித்தல்

தூய்மைக்கேட்டு நடவடிக்கைகள் எல்லா இடங்களிலும் நடக்கின்றன. நாட்டின் குடிமக்களாகிய நமக்கு இதுபோன்று நடவடிக்கைகளை புகார் செய்யும் கடமை உண்டு என்பதை மறந்துவிடக் கூடாது. பின்வருவனை நீங்கள் இதுபோன்று சட்டத்திற்குப் புறம்பான நடவடிக்கைகளைக் காண நேர்ந்தால் உடனடி எடுக்க வேண்டிய நடவடிக்கைகளைக் குறிக்கிறது. (முதலில் உங்களின் பாதுகாப்பை உறுதிப்படுத்திக் கொள்ளுங்கள்) (வாகனங்களின் பதிவு எண்ணையோ எந்த நிறுவனத்தின் வாகனம் என்பதையோ முதலில் கண்டறியுங்கள்) (என்ன திகதி, எந்த நாள், எத்தனை மணி எந்த இடம் போன்ற விவரங்களை குறித்து வையுங்கள்.) உங்களிடம் கேமிராவோ கைப்பேசி வழியோ படமெடுக்க முடிந்தால் முடிந்த வரை அத்தூய்மைக்கேட்டை விளைவிக்கும் நடவடிக்கை குறித்தோ அல்லது அதன் விளைவுகள் குறித்தோ படமெடுங்கள். சம்பவம் நடந்த சூழலைப்பற்றியும் அதன் விளைவுகள் தொடர்பாகவும் குறித்து வையுங்கள். நீங்கள் கண்ட அனைத்தையும் சம்பந்தப்பட்ட அரசு நிறுவனங்களுக்கோ ஏனைய நிறுவனங்களுக்கோ புகார் செய்யுங்கள்.

b) Pemetaan Sungai

Melalui siasatan dalam Pemetaan Sungai, kita boleh mengumpul maklumat yang mungkin mengenalpasti sesuatu masalah atau isu dalam kawasan tempatan mereka. Pemetaan Sungai memerlukan kita menggunakan deria semulajadi, seperti pengelihatan dan bau untuk mengenalpasti ciri-ciri fizikal sungai dan persekitarannya. Langkah pertama adalah untuk memeta kawasan tempatan anda dan lokasi sungai di kawasan ini. Apabila anda telah melakukan ini, anda boleh menyenaraikan kesemua jenis penggunaan tanah yang berbeza dalam kawasan tersebut dan aktiviti-aktiviti yang mungkin menjejaskan sungai. Kemudian, anda harus pergi ke sungai tersebut dan rekodkan keadaannya. Apakah warna airnya? Adakah lapisan berminyak di permukaannya? Fikirkan mengenai apakah sebabnya dan rujuk kepada jadual di mukasurat terakhir untuk bantuan. Ciri lain yang anda perlu rekodkan adalah jenis tumbuhan yang didapati berdekatan sungai, berapa banyak tumbuhan, serta juga samada terdapat apa jua bau daripada sungai.



ஆ) ஆற்றுப் படர்ச்சி வரைவின் (Mapping) வழி பரிசோதித்தல்.

இப்பரிசோதனை வழி கிடைக்கப்பெறும் தகவல்களைக் கொண்டு ஆறுகளில் குறிப்பிட்ட இடங்களில் ஏற்படும் சிக்கல்களை கண்டறிய இயலும். ஆற்றுப்படர்ச்சி வரைவின்வழி நம் கண்களைக் கொண்டே ஆக்கின்வழி நகர்ந்தோ ஆறுகளுக்கும் அதனைச் சுற்றியுள்ள இடங்களுக்கும் ஏற்படுள்ள பாதிக்கங்களைக் கண்டறிய முடியும். இதற்கு முதற்படியாக நாம் வாழுகின்ற இடங்களிலுள்ள ஆறுகளின் படர்ச்சிவரைவினை முதலில் கண்டறிய வேண்டும். தொடர்ந்து அதனைச் சுற்றியுள்ள நிலப்பகுதிகளில் நடைபெறும் நடவடிக்கைகள் ஆற்றினை எவ்வாறு பாதிக்கின்றது என்பதை ஆராய்ந்து அறிய வேண்டும். அடுத்து நேரிடையாக அந்த ஆற்றிற்கே சென்று அதன் தோற்றத்தை பார்வைவிட வேண்டும். ஆற்றுநீர் எவ்வண்ணத்தில் உள்ளது? ஆற்றின் மேற்பகுதியில் எண்ணெய் படிமங்கள் ஏதேனும் உள்ளனவா? இதற்கு எது காரணமாய் இருக்கலாம் போன்றவற்றை கண்டறிய வேண்டும். (இதற்கு அடுத்த பக்கத்தில் உள்ள அட்டவணையை துணையாகக்

d)Menanda Longkang dengan Stensil

Longkang kita dikhususkan bagi air hujan sahaja. Apa jua yang masuk ke dalam longkang akan mengalir ke sungai. Kandungan yang selain daripada air hujan tulin merupakan bakal bahan pencemar yang akan menyusut mutu air sungai kita oleh kerana semua longkang akan bertemu dengan sungai-sungai. Menanda longkang dengan stensil akan meningkatkan pengetahuan kita tentang kesan buruk akibat daripada tindakan kita (contohnya membuang racun perosak yang digunakan di rumah ke dalam longkang) terhadap sungai kita serta juga mengajar kita agar Mencintai Longkang dan Sungai Kita.

கால்வாய்களோ வடிதட்டு போன்ற மூடிகளைக் கொண்டு மூடுதல்

நம்முடைய கால்வாய்கள் மழைநீர் ஒடுவதற்காகவே அமைக்கப்பட்டவை கால்வாயில் என்ன ஒடுகிறதோ அதுவே ஆறுகளில் சென்று கலக்கிறது. மழைநீரைத் தவிர்த்து ஏனைய பொருள்கள் கால்வாயில் கிடக்குமானால் அவை கண்டிப்பாக ஆற்றிற்கு அடித்துச் செல்லப்பட்டு ஆற்று நீரை மாசுப்படுத்தி விடும். ஆகவே, கால்வாய்களுக்கு வடிதட்டு மூடிகள் அமைப்பது கால்வாய்களையும் ஆறுகளையும் நேசிக்கும் மனப்பான்மையை ஏற்படுத்தும்.

e) Aktiviti-aktiviti Tempatan dan Global

Salah satu faktor utama yang mengakibatkan keadaan buruk sungai kita adalah kekurangan penyertaan masyarakat dalam pengurusan sungai. Dengan mempertingkatkan tahap kesedaran dan pemahaman tentang isu-isu dan masalah yang dihadapi oleh sungai, kerajaan boleh mendorong masyarakat untuk menukar sikap dan tabiat mereka yang mendatangkan impak negatif ke atas sistem-sistem sungai, dan membantu mereka membina kepercayaan dan merasa bertanggungjawab bagi pembangunan dan perancangan aktiviti-aktiviti projek dan cara-cara untuk mengatasi masalah sungai-sungai. Melalui komponen penyertaan masyarakat, kerajaan boleh menjalankan aktiviti-aktiviti di tapak dan bengkel untuk orang awam serta melibatkan mereka dalam proses membuat keputusan bagi lembangan sungai mereka.

உள்நாட்டு மற்றும் உலகளாவிய நடவடிக்கைகள்

நம்முடைய ஆறுகள் மோசமான நிலைமைக்கு இட்டுச் செல்லப்படுவதற்கு முக்கிய காரணமாய் அமைந்திருப்பது நம் சமுதாயத்தினரின் மிகக் குறைந்த பங்களிப்புதான் என்பதை முதலில் நாம் நன்கு புரிந்துகொள்ள வேண்டும். மக்களிடையே விழிப்புணர்வும் புரிந்துணர்வும் மேம்படுமேயானால் சமுதாயத்தினரிடையே உள்ள எதிர்மறை மனப்போக்கினை மாற்றியமைத்து அரசாங்கம் அவர்களை நல்வழியில் ஊக்கப்படுத்தி ஆறுகளைப் பாதுகாக்கும் மனப்பான்மையை ஏற்படுத்த இயலும். இதன்வழி ஆறுகளின் மீது அவர்களுக்கு இருக்கும் உரிமையையும் பொறுப்புணர்ச்சியினையும் தெளிவுபடுத்தி ஆறுகளை மேம்படுத்தும் திட்டங்களில் அவர்களின் பங்களிப்பை வழங்கச் செய்வதோடு தற்காப்பு மறும் பாதுகாப்பு நடவடிக்கைகளையும் திட்டமிடச் சொல்லலாம். சமுதாயப் பங்கெடுப்பின்வழி அரசாங்கம் ஆக்ககரமான நடைமுறை செயற்பாடுகளையும் பட்டறைகளையும் பொதுமக்களுக்கு நடத்தி, அவர்கள் வாழுகின்ற இடங்களில் உள்ள ஆறுகளின் பாதுகாப்பு நடவடிக்கைகளுக்கான முடிவினை எடுப்பதில் அவர்களை ஈடுபடுத்தலாம்.

Global Environment Centre

DIMANA WUJUDNYA AIR WUJUDNYA KEHIDUPAN!!

எங்கே நீர் இருக்கின்றதோ அங்கே உயிர் இருக்கின்றது

Air tawar amat penting untuk kehidupan dan sumber utama air tawar kita merupakan sungai (sungai membekalkan 97% bekalan air kita). Kita banyak menggunakan air daripada sungai untuk keperluan domestik, pertanian, industri, pengangkutan, tujuan rekreasi dan ugama. Walaupun kita bergantung kepada sungai-sungai, kita (masyarakat) tidak pernah menunjukkan minat yang mencukupi untuk melindungi sumber air kita. Kita harfiahnya telah membuang pelbagai jenis sampah/pencemaran ke dalam sungai kita, dengan anggapan sampah/pencemaran yang kita buang akan dilupuskan dalam sungai. Pada masa dahulu, sungai kita berupaya mengatasi masalah ini oleh kerana jumlah pencemaran yang dibuang secara relatifnya sedikit atau kandungannya adalah organik semulajadi; akan tetapi dengan pembangunan pesat kini dan peningkatan populasi, sungai kita tidak dapat menangani sampah/pencemaran. Oleh kerana itu, air sungai kita kini sedang dirawat secara intensif sebelum ia boleh digunakan oleh kita.

தூய்மையான பச்சைத் தண்ணீர்(Fresh Water) நம் வாழ்விற்கு முகாமையான ஒன்றாகும். பச்சைத் தண்ணீர் கிடைப்பதற்கு நமக்கு ஆறுகளே மூலமாய் அமைந்துள்ளன. (ஆறுகள் 97% நீர் விநியோகத்தைத் தருகின்றன) நாம் ஆறுகளிலிருந்து கிடைக்கும் நீரை பரந்த அளவிலே நம் வீட்டுத் தேவைகளுக்கும் விவாசாயம், தொழிற்துறை, போக்குவரத்து, கேளிக்கை மற்றும் சமய தேவைகளுக்கும் பயன்படுத்துகிறோம். இத்தகைய நீர் தேவைக்காக ஆறுகளையே சார்ந்திருந்தாலும், சமுதாயம் இந்த நீர் மூலத்தை (ஆறுகளை) பராமரிக்கவும் பாதுகாக்கவும் போதிய அளவு அக்கறை காட்டுவதில்லை. நாம் எல்லா வகையான குப்பைகளையும் கழிவுகளையும் ஆற்றில் வீசுகிறோம். ஆறுகளே அவற்றை கவனித்துக் கொள்ளட்டும் என்றும் நினைக்கிறோம். நாம் வீசுகின்ற குப்பைகளும் கழிவுகளும் மிகச் சிறிய அளவிலோ அல்லது இயற்கை மூலப் பொருள் வடிவத்தில் இருந்தாலோ ஒருகால் ஆறுகள் அவற்றை தன்னுள் கிரகித்துக் கொள்ளும் ஆனால் இன்றைய வளர்ச்சி வேகத்திற்கும் பெருந்துவரும் தூய்மைக் கேட்டிற்கும் ஆறுகளால் நிச்சயம் ஈடு கொடுத்து செல்ல முடியாது. ஆகவேதான் நம் ஆறுகள் மிகப் பெரிய அளவிலே சீர்திருத்தப்பட்ட பிறகே நம் பயன்பாட்டிற்கான நீர் பெறப்படுகிறது.

APA BOLEH KITA LAKUKAN? நாம் என்ன செய்யலாம்?

Selama ini kita telah bergantung kepada pihak lain untuk menjaga sungai-sungai kita apabila hakikatnya adalah kita yang memiliki sungai-sungai dan mempunyai kuasa untuk mengubah kaedah sungai diuruskan. Penyertaaan daripada pelbagai pemegang berkepentingan (masyarakat, kerajaan, pihak swasta, dan lain-lain) untuk mengurangkan dan mengawal pencemaran serta juga mengawasi sungai-sungai akan lambat-launnya memulihara sumber air kita agar masih sedia ada untuk digunakan kini dan di masa hadapan.



ஆறுகளை பாதுகாப்பதில் நாம் பிற தரப்பினரையே நம்பியிருக்கிறோம். மாறாக நமக்கெல்லாம் சொந்தமான ஆறுகளை பாதுகாப்பதும் முறையாக நிர்வகிக்கும் ஆற்றலும் நம்மிடம் உள்ளது என்பதை மறந்து விடுகிறோம். பல்முனைத் தரப்பினரின் ஒட்டுமொத்த பங்கேற்பு (சமுதாயம், அரசாங்கம், தனியார் நிறுவனம் மற்றும் பிற) தூய்மைக்கேட்டை குறைப்பதுடன் ஆறுகளை கண்காணிப்பதில் இருக்குமேயானால் நாளடைவில் இந்த நீர் மூலத்தை நன்முறையில் பாதுகாத்து தற்போதைய தேவைக்கும் எதிர்காலத் தேவைக்கும் நாம் தக்க வைத்துக்கொள்ள இயலும்.

- Dapatkan Maklumat Asas yang Betul அடிப்படைத் தகவல்களைச் சரியாகப் பெறுதல்

Sebelum kita boleh menyertai apa jua aktiviti pemuliharaan dan pangawasan yang berkaitan dengan sungai; kita perlu mengetahui pengetahuan asas a) sebuah sungai dan lembangannya, b) mutu sungai-sungai kita dan c) impak kita ke atas ekosistem sungai.

நாம் ஆறுகள் சார்ந்த பாதுகாப்பு மற்றும் கண்காணிப்பு நடவடிக்கைகளில் ஈடுபடுவதற்கு முன்னர் பின்வரும் அடிப்படை தகவல்களை சரியாகப் பெற்றிருக்க வேண்டும். அடிப்படை தகவல்களை சரியாகப் பெற்றிருக்க வேண்டும் அ) ஆறும் அதன் அடித்தட்டும் (basin) ஆ) நம் ஆறுகளின் தரம் இ) ஆறுகளின் இயற்கை இயங்கியல் முறையும் நம்மால் ஏற்படும் தாக்கங்களும்.

a) Sungai dan lembangannya

Sebuah sungai merupakan jalan air semulajadi di atas permukaan Bumi, yang menyaliri air tawar daripada gunung ke lautan. Sebuah lembangan sungai adalah keseluruhan kawasan yang mengairi sebuah sungai termasuk cawangannya. Ia kadang-kadang dirujuk sebagai kawasan tadahan air, lembangan saliran atau legeh. Ini bermakna semua air termasuk air longkang di kawasan lembangan sungai mengalir ke sungai dan cawangannya. Oleh itu, aliran air membentuk sempadan-sempadan sebuah lembangan sungai. Lembangan sungai memerangkap kelembapan/hujan dan menakung air, yang mengalir merentasi atau di bawah lanskap. Lembangan sungai didapati dalam pelbagai bentuk dan saiz. Lembangan sungai berbentuk bukit, gunung, atau hampir rata dan mungkin terdiri daripada pelbagai kegunaan tanah termasuk hutan, ladang, bandar dan kota. Kawasan yang kita diami, tidak kira di mana, adalah sebahagian daripada sebuah lembangan sungai. Oleh itu, semua yang kita lakukan membawa kesan ke atas sungai dan alam sekitar kita.

அ) ஆறும் அதன் மூலமும்

ஆறு என்பது பூமியின் மேல் செல்லும் நீர் பாதையாகும். மலைகளிலிருந்து வரும் நீர் ஆற்றின் வழியாகவே சென்று கடலை அடைகிறது. ஆறின் அடித்தட்டு என்பது நீர் சூழ்ந்த ஆறின் பரப்பளவோடு அது உள்ளடக்கிய பகுதியாகும். சில வேளைகளில் நீர் பிடிப்பு இடம், கால்வாய் மூலம் அல்லது நீர்த்தேக்கம் போன்ற இடங்களையும் அது உள்ளடக்கியிருக்கும். ஆகவே எல்லா நீரும் கால்வாய் நீர் உட்பட ஆறு நீர் ஓட்டத்தோடும் அதன் பிற பகுதிகளோடும் கலந்தே செயல்படுகின்றன. அதனால் ஆற்றின் அடித்தட்டை நீர் ஓட்டத்தின் எல்லைகளைக் கொண்டே வரையறுக்க இயலும். ஆற்றில் அடித்தட்டு திரளும் நீரை உடனுக்குடன் சேகரித்து வைப்பதோடு அந்நீர் தேக்கம் ஆறின் வாயிலாகவோ மண்ணில் உள்ளேயோ ஓடச்செய்கிறது. இதனால் ஆற்றின் அடித்தட்டானது பல்வேறு வடிவங்களிலும் அளவுகளிலும் அமைந்திருக்கின்றது. ஆற்றின் அடித்தட்டு குன்றுப் பகுதியாகவோ, மலைப்பகுதியாகவோ, தரைமட்டமாகவோ அமைந்திருப்பதோடு பல்வேறு நிலப்பயன்பாடுகளான காடுகள், தோட்டங்கள், பட்டணங்கள், நகரங்கள் போன்றவற்றையும் உள்ளடக்கியுள்ளது. ஆகவே, நாம் வசிக்கும் இடமானது அது எங்கிருந்தாலும் ஆற்றின் அடித்தட்டின் ஒரு பகுதியாகவே இருக்கின்றது. ஆகவேதான் நாம் எதைச் செய்தாலும் அது ஆறுகளின்மீதும் அதன் சுற்றுச்சூழல் மீதும் ஒரு பாதிப்பை ஏற்படுத்துகிறது.

b) Mutu sungai-sungai kita ஆ) நம் ஆறுகளின் தரம்

Sebuah sungai memerlukan 3 unsur agar dapat diperakui bahawa ia di dalam keadaan yang bagus. Unsur-unsur tersebut adalah:

ஓர் ஆறு நல்ல நிலையில் உள்ளது என அடையாளங் காணப்படுவதற்கு மூன்று முக்கிய கூறுகள் உள்ளன. அவை:



i) Air bersih

- Tidak harus mengandungi apa jua baja, bahan buangan berair atau pembuangan pencemaran lain atau sampah yang dibuang ke dalam sungai. Bahan buangan harus dirawat di loji rawatan.

ii) Air yang mengukupi

- Harus ada air yang mencukupi untuk semua (contohnya manusia, flora dan fauna). Campur tangan manusia boleh menyebabkan kekurangan air, contohnya mengepam air keluar daripada jalan-jalan air.

ii) Ciri-ciri fizikal yang betul

- Kebanyakan daripada sungai kita menjadi terlalu lebar atau cetek. Tebing-tebing sungai kita, selok belok dan lengkungannya telah diluruskan; kerikil dan batu-batu telah dikorek keluar. Sungai kita telah menjadi lurus secara seragamnya dan ini telah menyebabkan masalah alam sekitar serius.

1) **தூய்மையான நீர்**

விலங்குகளின் கழிவு, நீர்மக் கழிவுப் பொருள், இதர தூய்மைக் கேடுடைய கழிவுகள் அல்லது கொட்டப்படும் குப்பைகள் இவையனைத்தும் இல்லாமல் இருக்க வேண்டும். இவையனைத்தும் சுத்திகரிப்பு நிலையத்திலேயே கவனிக்கப்பட வேண்டும்.

2) **போதுமான நீர்**

எல்லாருக்கும் போதுமான நீர் இருக்க வேண்டும் (எ.க. மனிதர்கள், விலங்குகள், தாவரங்கள்) மனிதர்களின் தலையீடு சில வேளைகளில் போதுமான நீர் இல்லாதிருக்கச் செய்கிறது. எடுத்துக்காட்டிற்கு நீரை ஆறுகளிலிருந்து வெளியேற்றுவது (பம் செய்வது)



3) **சரியான அளவிலான புற வடிவம்**

நம் ஆறுகளில் பல மிக அகலமாகவும் ஆழமாகவும் உள்ளன. ஆற்றங்கரைகளும் அதன் மேடு பள்ளங்களும் நேர்படுத்தப்பட்டுள்ளன; ஆற்றிலுள்ள கற்கள் தோண்டி எடுக்கப்பட்டுள்ளன. ஆகவே நம்முடைய ஆறுகள் நேர்பாதை வடிவமாக்கப்பட்டுள்ளன. இந்நிலை மிக ஆபத்தான சுற்றுச்சூழல் சிக்கலை ஏற்படுத்தியுள்ளது.

c) Impak kita ke atas ekosistem-ekosistem sungai இ) ஆறுகளின் இயற்கை இயங்கியல் முறையும் நம்மால் ஏற்படும் தாக்கங்களும்.

Kita semua tinggal di dalam sebuah lembangan sungai. Oleh itu, semua kegiatan kita akan menjejaskan tanah dan jalan air. Apabila sekeping sampah ditiup keluar atau dihanyutkan, ia akan memasuki longkang dan kemudiannya sungai kita. Pencemaran sebegini akan secara langsung atau tidak langsung menjejaskan kita dan hidup kita, serta juga semua hidupan lain di alam sekitar.

நாம் அனைவரும் ஆற்றின் அடித்தட்டில்தான் வாழ்ந்து வருகிறோம். அதனால் நாம் செய்வன அனைத்தும் ஏதோ ஒரு வகையில் நிலத்தையும் நீர்ப் பாதைகளையும் பாதிக்கின்றன. ஒரு குப்பை வீசப்படும்போதோ நீரில் அடித்துச் செல்லப்படும்போதோ அக்குப்பை அக்குப்பை கால்வாயை அடைந்து இறுதியில் ஆற்றில் கலக்கிறது. இத்தகைய தூய்மைக்கேடு நேரடியாகவும் மறைமுகமாகவும் நம் வாழ்க்கையையும் சுற்றுச் சூழலில் உள்ள எல்லா உயிரினங்களையும் பாதிக்கிறது.

SUNGAI-SUNGAI_akan berbau busuk dan tidak indah pemandangannya disebabkan oleh sampah yang mereput dan bahan buangan cecair beracun

ஆறுகள் - வீசப்படும் குப்பைகளாலும் இரசாயன கழிவுகளாலும் துர்நாற்றம் வீசுவதோடு பார்ப்பதற்கு அசௌகரியத்தை ஏற்படுத்துகிறது.



AIR_ bekalannya menjadi tercemar: bekalan air sungai yang terganggu dan kekurangan air disebabkan oleh penutupan loji rawatan air yang disebabkan oleh pencemaran; pertumbuhan alga yang banyak dan kerap menjadikan air tidak selamat untuk diminum oleh semua benda hidup; pengurangan bekalan air tawar yang sedia ada untuk digunakan.

நீர் - தூய்மைக்கேட்டிற்கு இலக்காகி உள்ளதால் நீர் விநியோகத்தில் தடைகளை ஏற்படுத்துகிறது. தூய்மைக்கேட்டின் காரணமாய் நீர் சுத்திகரிக்கப்படும் வேளைகளில் நீர்ப்பற்றாக்குறை ஏற்படுகிறது. ஆற்றுத் தாவரங்கள் தூய்மைகேட்டிற்கு இலக்காவதால் நீர்வாழ் உயிரினங்களைப் பாதிப்பதோடு தூய்மையான நீர் கிடைப்பது அருகி வருகிறது.



MANUSIA_ Air sungai tercemar yang digunakan untuk mengairi makanan kita; mutu kehidupan yang menyusut disebabkan oleh keadaan tidak sihat akibat daripada pengurusan sungai yang kurang bagus; peningkatan risiko penyakit berkaitan air; bekalan air kita dicemari racun.

மனிதர்கள் - தூய்மைக்கேட்டிற்கு இலக்கான நீர் நம் உணவுப் பொருள்களை உற்பத்தி செய்யப் பயன்படுத்தப்படுகிறது. இதனால் நம் வாழ்க்கை நலம் பாதிப்புக்குள்ளாகிறது.

மோசமான நிலையில் ஆறுகள் நிர்வகிக்கப்படுவதால் நீர் சார்ந்த வியாதிகள் பெருகி வருவதோடு இரசாயனக் கழிவுகள் நிறைந்த நீர் விநியோகத்தைப் பெற வேண்டி உள்ளது.

KEPELBAGAIAN BIOLOGI_ Membunuh tumbuhan dan haiwan yang hidup di sekitar dan di dalam sungai; kehilangan kepelbagaian spesies; penaklukan dan dominasi spesies asing yang lebih kuat bertahan.

பல்வகை உயிரிகள் -

ஆற்றைச் சுற்றிலும் ஆற்றின் உள்ளேயும் வாழும் தாவரங்களையும் உயிரினங்களையும் கொன்று விடுகிறது. சில உயிரினங்கள் முற்றிலிற்கு உள்ளாகின்றன. பிற வெளி உயிரினங்களின் ஆதிக்கத்திற்கு உள்ளாகிறது.

Fakta-fakta Mengenai Sungai Klang Kita

Sungai Klang Kita dan Lembangannya
- Berasal daripada Hutan Simpanan Ulu Gombak .
- Lembangan sungai ke-4 terbesar di Malaysia
- Panjangnya kira-kira 120 km
- Dihubungi oleh 13 anak sungai utama
- Kawasan tadahan = 1,288 kilometer persegi (km2)
- Merangkumi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor (Shah Alam, Petaling Jaya, Klang, Subang Jaya dan Ampang Jaya).

நம் கிள்ளான் ஆறு தொடர்பான தகவல்கள்:-

கிள்ளான் ஆறும் அதன் அடித்தட்டும்

- உலு கோம்பா ஒதுக்கப்பட்ட காட்டுப்பகுதியிலிருந்து தொடங்குகிறது.
- மலேசியாவில் நான்காவது மிகப்பெரிய ஆறாகும்.
- இதன் நீளம் ஏறக்குறைய 120 கிலோ மீட்டராகும்.
- 13 துணை ஆறுகள் இணைந்தது.
- பரப்பளவு - 1288 கிலோ மீட்டர் சதுரத்தைக் கொண்டது
- சிலாங்கூர் மற்றும் கோலாலம்பூர் மாநிலங்களைச் சார்ந்திருப்பது (சா ஆலம், பெட்டாலிங் ஜெயா, கிள்ளான், சுபாங் ஜெயா மற்றும் அம்பாங் ஜெயா)

Punca Pencemaran
- Pencemaran sampah pepejal
- Pembuangan secara langsung dari pertanian/akuakultur, kumbahan komersil dan industri dan pembuangan secara langsung air kumbahan daripada loji air kumbahan yang tidak diselenggara serta juga tangki septik individu.
- Pembuangan mendapan khususnya daripada tanah yang sedang dibangunkan di kawasan yang kian menjadi bandar.
- Rumah, kilang dan bangunan yang dibina bersebelahan rizab sungai telah menyebabkan pengurangan tanah semulajadi dan tumbuhan riparian.
- Aktiviti-aktiviti perlombongan pasir dan kuari.

தூய்மைக் கேட்டிற்கான மூலங்கள்

- திடக் கழிவு தூய்மைக் கேடு
- விவசாயக் கழிவுகள்
- சாக்கடை மற்றும் வியாபார, தொழில்துறை வீடுகளிலுள்ள கழிவுக் தொட்டிகளை முறையாக பராமரிக்காதால் ஏற்படும் தூய்மைக்கேடு
- உட்புறங்களின் நிர்மாணிப்பு பணிகளால் வீசப்படும் கழிவுகள்
- வீடுகள், தொழிற்சாலைகள் மற்றும் கட்டடங்களை ஆற்றின் அருகே நிர்மாணிப்பதால், நிலங்கள் மற்றும் தாவரங்கள் பெருமளவில் சேதமுற்று அழிகின்றன.
- கற்கள் வெட்டி எடுக்கப்படும் இடம் மற்றும் மண் தோண்டி எடுக்கப்படும் இடம்

Impak
- Peningkatan peristiwa banjir
- Mutu air yang telah susut
- Menyusutkan persekitaran alam sekitar
- Kekurangan air bersih
- Pemendapan di tebing sungai
- Hakisan tanah dan tebing sungai
- Pencerobohan tebing sungai rizab

விளைவுகள்

- வெள்ளம் அடிக்கடி ஏற்படுகிறது
- நீரின் தரத்தில் குறைபாடுகள் ஏற்படுகின்றது
- சுற்றுச் சூழலின் தரத்திலும் பாதிப்பு ஏற்படுகின்றது
- தூய்மையான நீர் - பற்றாக்குறை ஏற்படுகிறது
- ஆற்றோரங்களில் தேங்கி நிற்கும் மாசுப் படிமங்கள்
- ஆற்றங்கரை நிலங்களை அத்துமீறி ஆக்கிரமித்தல்

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi kami di:

Global Environment Centre, 2nd Floor, Wisma Hing, No.78, Jalan SS2/72, 47300 Petaling Jaya, Selangor D.E., Malaysia
t: +60 3 7957 2007 f: +60 3 7957 7003
w: www.gecnet.info , www.riverranger.my

Dicetak di atas kertas 100% kitar semula (Cyclus Offset 100gsm).